



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

MENTERI KPWKM TINJAU MANGSA BANJIR DI PUSAT PENEMPATAN SEMENTARA (PPS) DAERAH RAUB

RAUB, 4 Januari – YB Datuk Seri Rina Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah melawat mangsa banjir di 3 Pusat Penempatan Sementara (PPS) dalam Daerah Raub iaitu di PPS Dewan Kampung Pia, PPS Masjid Kampung Temau, PPS Sekolah Kebangsaan Kundang Patah. Jumlah keseluruhan mangsa banjir yang terlibat bagi Daerah Raub adalah seramai 1493 orang dan melibatkan 424 keluarga.

Berdasarkan kepada Info Bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) pada 4 Januari 2021 (jam 10.15 pagi), sebanyak 192 buah PPS telah dibuka di Negeri Pahang yang melibatkan mangsa banjir seramai 9687 orang yang terdiri daripada 3044 keluarga.

“Kerajaan Persekutuan telah memperuntukan sebanyak RM8 juta bagi menampung pelbagai keperluan asas mangsa banjir antaranya seperti tikar, selimut, bantal, makanan kering, tilam toto, selipar, kain pelikat dan kain batik. Jumlah peruntukan ini melibatkan lapan (8) depoh seluruh Malaysia dan untuk negeri Pahang, RM1 juta diperuntukan bagi tujuan ini” ujar beliau dalam lawatan tersebut.

Dalam lawatan ini juga, YB Datuk Seri Rina turut mengingatkan mangsa dan petugas JKJ untuk mematuhi *Standard Operation Procedure* (SOP) serta mengamalkan norma baharu seperti mana yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Disediakan oleh:

Unit Perhubungan Awam

Jabatan Kebajikan Masyarakat